

29 AUG 1998

DR MAHATHIR RASMI TAMAN KLCC

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Taman Kuala Lumpur City Centre (KLCC Park) seluas 20 hektar dalam satu majlis yang penuh warna warni dengan disaksikan beratus-ratus warga kota.

Dr Mahathir, yang memandu sendiri kereta pacuan empat roda "Perodua Kembara" berwarna hijau, tiba bersama-sama dengan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri dan isteri disambut oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Pengerusi KLCC (Holdings) Bhd Tan Sri Azizan Zainul Abidin, timbalan pengerusi Tan Sri Ananda Krishnan serta Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Dr Mahathir kemudian meletakkan kunci untuk membuka arca kayu yang menjadi pintu masuk kepada pelawat ke taman itu.

Belon kemudiannya dilepaskan ke udara dengan disambut sorakan daripada orang ramai yang terpegun dengan barisan air pancut di tasik dalam taman itu.

Dr Mahathir kemudian menerima "watakah" daripada sekumpulan kanak-kanak sebagai tanda bahawa beliau menerima taman itu bagi keseluruhan rakyat Malaysia.

Taman itu yang terletak di tengah-tengah KLCC yang mengandungi bangunan tertinggi di dunia direka khas oleh mendiang Roberto Burle Marx dari Brazil, pereka landskap antarabangsa terkemuka.

Taman itu kini menjadi tempat tarikan bagi warga kota serta orang asing sejak pembinaannya siap pada 8 Mei lepas.

-- BERNAMA
TEAM RHM